



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



**KENYATAAN MEDIA OLEH
YANG BERHORMAT
DATUK SERI NOH OMAR
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

KEDUDUKAN TERKINI HARGA AYAM

Pemantauan terhadap harga ayam **sehingga 8 April 2013** menunjukkan harga ayam di ladang adalah **RM5.40/kg**. Harga ayam di ladang adalah stabil dan tiada kenaikan harga ayam di ladang yang melampau dalam tempoh yang sama. Merujuk kepada isu kenaikan harga ayam yang dilaporkan baru-baru ini, keadaan tersebut dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya adalah disebabkan oleh permintaan bermusim yang mendadak semasa cuti perayaan dan cuti sekolah. Selain daripada itu, perubahan cuaca turut mempengaruhi tumbesaran ayam yang menyebabkan ia lewat dipasarkan. Para pengguna tidak perlu bimbang kerana **tiada kenaikan harga ayam yang melampau di ladang dan bekalan adalah mencukupi**.

**DATUK NOH SERI OMAR
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
9 APRIL 2013**